

Headline	Penuntut UUM bersemangat bantu golongan susah		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	20 May 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	U12	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 847
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,541



# Penuntut UUM bersemangat bantu golongan susah

**CHANGLUN** - Pengalaman baru ditimba golongan belia terutamanya mereka yang pertama kali menyertai aktiviti sukarela membantu golongan memerlukan termasuk dalam kalangan keluarga daif.

Perkara itu turut diakui penuntut tahun tiga dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menjadi sukarelawan Persatuan Kebajikan Membasmi Kemiskinan Malaysia (Pam) membantu golongan daif menerusi Program Jejak Bantu Rakyat peringkat Parlimen Kubang Pasu semalam.

Mohd Nor Ali, 23, berkata, walaupun zaman semakin canggih, dia sungguh terkejut melihat masih ramai golongan susah yang hidup mearat.

Menurutnya, pengalaman baru yang ditimba itu menjadikannya lebih bersemangat untuk terus membantu golongan

memerlukan sekali gus mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

"Mungkin saya tidak boleh bantu dari segi wang ringgit, namun apa yang boleh dibantu adalah ilmu pengetahuan yang ada dikongsi bersama mengembangkan minda golongan itu untuk berjaya," katanya selepas program berkenaan di sini, semalam.

Sementara itu, seorang lagi penuntut tahun pertama Teknologi Media, UUM, Siti Hajar Hussain, 21, berkata, dia gembira dapat membantu golongan susah di sini yang merasakan diri mereka terpinggir daripada masyarakat.

"Ramai golongan ini meminggirkan diri mereka kerana bimbang mereka menyusahkan orang lain, namun bagi saya jika berpeluang mengikuti program seumpama ini pada masa depan, ia tidak akan dilepas-

kan begitu sahaja.

"Saya mahu membantu mereka dan gembira melihat mereka juga gembira apabila dibantu," katanya.



MOHD NOR



SITI HAJAR